

Garis Panduan Program SANGKUTAN INDUSTRI P&P DAN PELAKSANA

OBJEKTIF

Objektif utama program

01

Meningkatkan pengetahuan, kompetensi dan kualiti profesionalisme pegawai.



02

Mempelajari dan mengadaptasi amalan terbaik tentang keperluan dan operasi agensi luar bagi memenuhi keperluan tugas semasa.

03

Membangunkan bahan atau kajian kes yang relevan bagi kegunaan program Pembangunan kompetensi Fungsian UKM.



04

Membina dan mengukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak agensi luar.

SYARAT PERMOHONAN

SYARAT UMUM



Berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.



Telah **berkhidmat di UKM** sekurang-kurangnya **5 tahun**.



Mencapai tahap Laporan Penilaian Prestasi (LNP) & sahiah sekurang-kurangnya **85% ke atas bagi tiga (3) tahun** berturut-turut.



Bebas daripada pertuduhan tatatertib atau mahkamah.



Mendapat **perakuan** daripada Pengerusi Pusat/ Ketua Jabatan dan Dekan/ Pengarah PTJ / Pengetua Kolej masing-masing.


SYARAT KHUSUS



Terbuka kepada **P&P dan Pelaksana** pelbagai skim (**Gred 54 dan ke bawah dan Pelaksana**)



Tempoh sangkutan ini hanya untuk **tiga bulan sahaja** di **dalam atau luar negara**



Pemohon perlu **menghasilkan satu projek** sebagai hasil sangkutan



Calon perlu membuat **pembentangan usulan** (proposal) kepada Jawatankuasa Pemilih Program Sangkutan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana dengan perincian seperti berikut:

- Pembentangan dalam bentuk powerpoint
- Durasi masa pembentangan 5 - 10 minit
- Hanya calon yang berjaya saringan di peringkat Jawatankuasa Pemilih sahaja akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Penilai Program Sangkutan UKM untuk penilaian akhir sebelum terpilih mengikuti program sangkutan.

KEMUDAHAN

| Bil | Nama Elaun/ Kemudahan | Dalam Negara | LUAR NEGARA (bayaran mengikut kadar negara universiti pengajian) | Catatan |
|-----|----------------------------|---|---|---|
| 1 | Bayaran Kesihatan | Layak dibayar bil rawatan perubatan di hospital atau klinik kerajaan sahaja | Mencarum dalam Skim Insurans Kesihatan dan membuat tuntutan semula. Tidak layak membuat tuntutan kesihatan, jika skim ini telah dilanggan | <ul style="list-style-type: none"> Pegawai perlu membuat bayaran dahulu dan membuat tuntutan semula; dan Bagi rawatan pergigian, tuntutan hendaklah dikemukakan kepada PTj hakiki pegawai |
| 2 | Bayaran Pasport dan Visa | Tidak berkaitan | Pegawai sahaja | Semua bayaran adalah dalam bentuk tuntutan atau bayaran balik |
| 3 | Tambang Perjalanan | Harga tiket kelas ekonomi dan tambang termurah | Harga tiket kelas ekonomi dan tambang termurah | <ul style="list-style-type: none"> Dibayar sekali pergi dan balik mengikut tempoh sangkutan; dan Melebihi 25km ke tempat sangkutan |
| 4 | Elaun Sara Hidup | Tidak berkaitan | Dibayar mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan/JPA | Dibayar secara bulanan |
| 5 | Elaun Pakaian Panas | Tidak berkaitan | Pegawai terhad RM1,500.00 | <ul style="list-style-type: none"> Sila rujuk kelulusan LPU Bil.5/2000 pada 12.08.2000; dan Dibayar sekali dalam tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan |
| 6 | Elaun Khas Sangkutan (EKS) | RM700.00 | RM700.00 | Pegawai yang diluluskan permohonannya akan menerima EKS dengan kadar yang diluluskan Universiti |

PELAKSANAAN PROGRAM

| Perkara | Penglibatan | Tarikh |
|---|------------------------------|---|
| Lapor diri di agensi | Peserta/ Agensi Sangkutan | Mengikut tarikh permulaan |
| Terlibat dalam projek/program di agensi | | Bulan pertama hingga bulan ke-3 daripada tarikh permulaan program |
| Lapor diri di UKM | Peserta/UKM | Bulan ke-4 daripada tarikh permulaan program |
| Pembentangan laporan program sangkutan | | |
| Sesi perkongsian ilmu | Peserta | Bulan ke-5 daripada tarikh permulaan program |

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Unit Perkembangan Kerjaya,
Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Aras 1, Bangunan Perpustakaan
Lingkungan Kedua, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
03-8911 8592/8242
upk.bsm@ukm.edu.my

2. Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM UKM)

Unit Latihan dan Perkembangan Kerjaya,
Tingkat 1, Jabatan Sumber Manusia,
Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor
Tuanku Jaafar, Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun
Razak, 56000 Cheras,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
03-9145 7925/6296
ulpk_ism@ppukm.ukm.edu.my

3. Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah
Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK)

Unit Latihan dan Perkembangan Kerjaya,
Perkhidmatan Sumber Manusia,
Aras 6, Perkhidmatan Sumber Manusia,
Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000
Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
03-9174 8660/8666
ulpkhpkk@ukm.edu.my

